

**SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN
KEMASUKAN MURID TAHUN SATU (1)
SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI (SRAI)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 2021**

1. BAGAIMANAKAH PERMOHONAN DILAKSANAKAN?

Permohonan hendaklah dibuat ke sekolah SRAI yang dikehendaki sama ada di :-

a) SRA Integrasi Seksyen 19, Shah Alam Tel : 03-55424950 Email : sraiseksyen19@gmail.com	g) SRA Integrasi Salak Tinggi, Sepang Tel : 03-87063979 Email : sraistinggi@gmail.com
b) SRA Integrasi Bandar Baru Bangi, Hulu Langat Tel : 03-89254714 Email : sraibbbangi@gmail.com	h) SRA Integrasi Pekan Beranang, Beranang, Hulu Langat Tel : 03-87668048 Email : sraipberanang@gmail.com
c) SRA Integrasi Taman Keramat, Gombak Tel : 03-42573911 Email : sraitk@gmail.com	i) SRA Integrasi Sungai Chinchin, Gombak Tel : 03-61875464 Email : adminsraisc@gmail.com
d) SRA Integrasi Tengku Ampuan Fatimah, Batu Belah, Klang Tel : 03-33410816 Email : sraitafbatubelah@gmail.com	j) SRA Integrasi Sungai Manggis, Banting, Kuala Langat Tel : 03-31813122 Email : sraism@gmail.com
e) SRA Integrasi Dato' Mufti Yusof Sahabuddin, Seksyen 7, Shah Alam Tel : 03-55180799 Email : sraiseksyen7@gmail.com	k) SRA Integrasi Bandar Baru Kuala Selangor, Kuala Selangor Tel : 03-32893739 Email : sraikselangor@gmail.com
f) SRA Integrasi Muhammadiyah, Pekan Sabak, Sabak Bernam Tel : 03-32162257 Email : sraisabak@gmail.com	

2. BILAKAH PERMOHONAN SRAI BOLEH DILAKSANAKAN?

Permohonan akan dilaksanakan mulai **15 April hingga 15 Mei 2020 (Waktu bekerja sahaja)**.

3. PERLUKAH SAYA MENDAFTARKAN ANAK SAYA KE SEK. KEBANGSAAN SEBELUM MENDAFTAR DI SRAI?

Ya. Ibubapa/Penjaga hendaklah mendaftarkan anak mereka di Sek. Kebangsaan terlebih dahulu sebelum mendaftar anak di SRAI.

4. APAKAH DOKUMEN YANG DIPERLUKAN KETIKA MENDAFTAR DI SRAI?

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan pendaftaran menduduki UKS (sila muat turun dan cetak di telegram sekolah (<https://t.me/sraiscrsmi>) atau laman web sekolah (<https://sraisc.wordpress.com>)). Sila sertakan salinan surat kelahiran anak/borang W/sijil anak angkat, salinan kad pengenalan ibu/bapa/penjaga, salinan sijil perakuan nikah/cerai/rujuk/perintah hak jagaan anak, salinan dokumen pendaftaran Sekolah Kebangsaan, salinan bil utiliti (bil elektrik atau air) dan borang pengesahan pemastautinan ibu/bapa/penjaga negeri Selangor (jika berkenaan).

5. APAKAH SYARAT KELAYAKAN UNTUK DITERIMA MASUK KE SRAI?

Sila rujuk syarat permohonan yang dilampirkan.

6. ADAKAH SRAI MERUPAKAN SALAH SEBUAH SEKOLAH DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)?

SRAI **bukan** merupakan sekolah di bawah KPM. Ia merupakan Sekolah Agama Negeri (SAN) yang diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

7. ADAKAH RAYUAN BOLEH DIBUAT SEKIRANYA ANAK TIDAK BERJAYA SEMASA UJIAN KELAYAKAN TAHUN SATU 2021?

Ya. Ibubapa/penjaga boleh membuat rayuan tersebut dengan mendapatkan borang rayuan di sekolah SRAI bermula dari **03 hingga 11 Ogos 2020 (Waktu bekerja sahaja)**. Borang rayuan yang telah diisi dengan lengkap perlu dihantar ke JAIS **melalui** sekolah SRAI yang terlibat.

8. KE MANAKAH MURID-MURID SRAI BOLEH MENERUSKAN PELAJARAN SETELAH TAMAT PERSEKOLAHAN DI SRAI?

Murid-murid SRAI boleh memohon untuk meneruskan pelajaran ke :-

- Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) – JAIS.
- Sekolah Agama Menengah (SAM)/Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) – JAIS.
- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) – KPM.
- Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) – Aliran Perdana atau Kelas Aliran Agama (KAA).
- Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).
- Sekolah Berasrama Penuh (SBP).

- ✓ Syarat kelayakan untuk diterima ke SAM/SABK JAIS ialah murid mendapat keputusan terbaik (Mumtaz Terbaik) dalam Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) dan lulus dengan baik dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

UNTUK SIMPANAN IBUBAPA/PENJAGA!